

Mereka berpendapat kita masih
belum boleh menyainginya

Dr Mahathir bidas rakyat dewakan kemajuan negara asing

KELUANG, Isnin—Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membidas golongan rakyat Malaysia yang sering mendewa-dewakan kemajuan ekonomi negara asing, khususnya Singapura.

Menurut beliau, golongan tersebut mendakwa pihak swasta di negara itu membayar upah lebih tinggi dari negara ini kepada rakyat Malaysia yang bekerja di sana.

Timbalan Perdana Menteri menjelaskan golongan tersebut berpendapat kemajuan ekonomi negara ini masih belum dapat menyaingi Singapura.

"Golongan tersebut sepatutnya menilail faktor-faktor lain seperti sara hidup dan sebagainya," katanya ketika merasmikan mesyuarat agung Perwakilan Umno Bahagian Renggam di Pekan Renggam, 10 batu dari sini pagi tadi.

Bellau berkata, rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura menikmati dua keistimewaan: upah bekerja tinggi dan sara hidup rendah di negara ini.

Katanya, sebahagian besar rakyat Malaysia yang bekerja di negara jiran itu berasal dari negeri ini, mereka tidak seharusnya membuat penilisan demikian kerana hakikatnya negara itu masih kekurangan tenaga pekerja.

"Jadi apabila ditambah ramal rakyat kita berhijrah ke sana mencari pekerjaan, besar kemungkinan kadar upah akan merosot.

"Satu lagi kemungkinan apabila negara itu mempunyai cukup tenaga pekerja akan berlaku sekatan terhadap rakyat Malaysia khususnya Johor dari memasuki negara tersebut untuk mencari pekerjaan," jelasnya.

Mengenai kementerian politik negara, beliau memberitahu prinsip demokrasi dan keadilan perjuangan Umno telah diterima oleh rakyat semua kaum.

"Sebaliknya, jika perjuangan Umno berlandaskan prinsip yang sempit serta menurut telunjuk nafsu, Umno tidak boleh berjaya, seperti apa yang ada sekarang," ujarnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengulangi seruan Perdana Menteri Datuk Hussein Onn agar semua orang Melayu jangan meragui Umno dan menjadi ahli parti yang menjadi tulang belakang kerajaan ketika ini.

"Saya tahu sebuah parti pecah belah tidak kuat bertapak di Johor tetapi agak kuat di Kedah dan beberapa kawasan lain di utara.

"Pemimpin Pas terus mendakwa selagi parti itu berjuang berlandaskan demokrasi, selagi itu Pas akan wujud.

"Saya berani menyatakan kebebasan bersuara tidak akan dapat dinikmati lagi andainya Pas berkuasa penuh di Malaysia, kerana parti itu tidak berlandaskan demokrasi," katanya.

Sebagai contoh, tambah beliau, terdapat di sebuah kampung di mana 90 peratus penduduknya menyokong Pas, orang-orang yang bukan dari Pas tidak dibenarkan memberi penerangan kepada rakyat tempatan.

"Itu baru di sebuah kampung dan bagaimana pula halnya kalau Pas berkuasa di sesebuah negeri atau negara ini?" tanya beliau.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu, di Kedah baru-baru ini ada golongan bergerak dalam P.A.S. untuk mengulangkan kerajaan dengan cara kekerasan.

Bellau menjelaskan pucuk pimpinan Pas telah menafikan gerakan-gerakan P.A.S. itu digerakkan oleh parti tersebut.

"Kesimpulannya, terdapat pemimpin-pemimpin Pas tidak percaya kepada demokrasi dan dari itu Pas tidak mungkin berkuasa di Malaysia," katanya.

Mengenai keahlian Umno, beliau yang juga Timbalan Presiden Umno menyeru pemimpin dan ahli di semua peringkat terus berjuang mendapatkan lebih ramai ahli.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kebudayaan, Bella dan Sukan Datuk Chin Hon Nyan yang juga Ahli Parlimen Renggam dan wakil Menteri Besar Datuk Haji Abdul Rahman Mahmod.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

26
311